

KP(BS)8548/4/Jld.IX/(1)\*

Kementerian Pelajaran,  
Rumah Persekutuan,  
Kuala Lumpur 01-84,

27hb. Januari, 1979,

Pengarah Pelajaran,  
Semua Negeri,  
Semenanjung Malaysia.

Tuan,

**Surat Pekeliling Iktisas Bil: 1/1979**  
**Senarai Tugas-Tugas Guru Panduan**  
**Di Sekolah Menengah**

Memandangkan bahawa kepentingan mengadakan satu perkhidmatan panduan pelajaran dan kerjaya yang berkesan di Sekolah Menengah, tiap-tiap Guru Besar Sekolah Menengah adalah dikehendaki meneliti Rancangan Panduan Pelajaran dan Kerjaya meliputi kegiatan-kegiatan dengan tujuan-tujuan yang berikut:-

- (a) Panduan Pelajaran - murid-murid diberi pertolongan untuk memiliki matapelajaran pilihan supaya mereka memahami akan implikasi-implikasi pilihan itu terhadap pelajaran dan pekerjaan pada masa hadapan.
- (b) Panduan Kerjaya - murid-murid diberi pertolongan dalam perkembangan kemajuan pekerjaan melalui kegiatan-kegiatan Kelab Panduan Kerjaya, mengambil ujian minat pekerjaan, lawatan-lawatan ke tempat pekerjaan/latihan/ alam pekerjaan, mendapat maklumat mengenai pekerjaan daripada Papan Kenyataan Pekerjaan, Kutub Khanah dan sebagainya.
- (c) Panduan Peribadi - murid-murid diberi pertolongan untuk mengatasi/menyelesaikan masalah-masalah peribadi, perhubungan antara murid dengan guru, masalah-masalah dalam pelajaran dan lain-lain melalui Rundingcara (Counseling Interview) antara murid dan guru panduan.

4. Sila akui penerimaan surat ini.

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(KUM BOO)

Pengarah Sekolah-Sekolah  
Bahagian Sekolah-Sekolah  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran  
Malaysia.

(d) Rancangan Mencegah Salahgunaan Dadah bertujuan untuk

- (i) Mengesan murid-murid yang mengalami masalah-masalah yang mungkin di dalam kumpulan risiko tinggi penyalahgunaan dadah dapat diberi pertolongan dan diselamatkan.
- (ii) Mengesan murid-murid yang telah terlibat dalam penyalahgunaan dadah dapat dirujuk kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk mendapat rawatan dan pemulihan.
- (iii) Jika sekiranya murid yang telah menjalani pemulihan dapat diterima semula di Sekolah Kerajaan, diberi tindakan seliaan.

Bersama-sama ini dilampirkan senarai "Tugas-tugas Guru Panduan Sekolah Menengah" yang ditetapkan kuatkuasa mulai dari Januari, 1979. Guru-Guru Besar Sekolah Menengah adalah diarah menitikberatkan perkara ini dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menjamin perlaksanaan perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Kerjaya adalah dikelolakan dengan sempurna.

Tuan adalah diminta memberitahu perkara ini kepada tiap-tiap Guru Besar/Guru Panduan Sekolah Menengah di Negeri tuan. Pengelola Daerah Panduan Pelajaran Negeri adalah dikehendaki memastikan supaya Guru-Guru Panduan menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna.

Saya yang menurut perintah

LL  
(SYED ABU BAKAR BARAKBAH KMN., PSM)  
Pengarah Sekolah-Sekolah,  
Bahagian Sekolah-Sekolah,  
Kementerian Pelajaran,  
Malaysia.

## SENARAI TUGAS-TUGAS GURU PANDUAN DI SEKOLAH MENENGAH

1. Menjalankan rancangan panduan yang berkesan dan bertujuan.
2. Mengelola rancangan orientasi membimbing murid-murid dalam memilih matapelajaran, mencadangkan tempat-tempat pelajaran lanjutan, tabiat belajar dan lain-lain kegiatan panduan pelajaran.
3. Mengelola seminar-seminar ceramah-ceramah dan pameran kerjaya di peringkat sekolah, dan mengambil bahagian dalam mengelolakan kursus-kursus panduan dan sebagainya di peringkat Negeri dan Daerah, jika dikehendaki.
4. Menolong mengadakan perhubungan di antara sekolah dan badan-badan yang berkenaan seperti Jabatan-jabatan Kesihatan, Buruh dan Tenaga Rakyat, Kebajikan Masyarakat, Kebudayaan, Belia dan Sukan, Badan Persendirian, Persatuan-persatuan Dermawan dan sebagainya.
5. Membuat penentuan kes-kes untuk dirujuk kepada pihak-pihak yang tertentu, jika perlu dan membuat susulan.
6. Bertanggungjawab, secara keseluruhan mengenai mengisi, menjaga dan mengguna Rekod Himpunan dan butir-butir yang berkenaan.
7. Mencatat, mengumpul dan menggunakan "Butir-butir Tanpa Ujian" murid-murid.
8. Mengelola Bilik/Bilik Rundingcara dengan lengkap dan teratur.
9. Membuat peraturan untuk mengisi dan menyimpan rekod-rekod perseorangan termasuk butir-butir dan maklumat-maklumat murid-murid.
10. Mengelola dan mengadakan rundingcara, temuramah dengan murid-murid/ibubapa (misalnya: masalah peribadi pemilihan matapelajaran/kursus pemilihan kerja, kesihatan, penyesuaian pergaulan dan lain-lain).

11. Mengelola dan merancangkan panduan kumpulan pada peringkat sekolah:
  - (a) Panduan kumpulan hendaklah digunakan untuk membawa kesedaran kepada semua murid. Menerusi panduan kumpulan dapat membantu murid-murid untuk mengatasi masalah peribadi, memperbaiki kebiasaan dan sikap belajar, menjelaskan nilai-nilai, pembentukan konsep sendiri dan perkembangan secara positif supaya menjadi seorang dewasa yang bertanggung jawab.
  - (b) Panduan kumpulan dinamik harus digunakan dalam usaha mencegah penyalahgunaan dadah di sekolah-sekolah menengah.
  - (c) Panduan kumpulan hendaklah digunakan untuk menolong murid-murid memilih mata-mata pelajaran kesukaan (electives) dengan lebih teliti lagi selaras dengan perkembangan minat, kemahiran dan pencapaian mereka dalam mata-mata pelajaran dan lapangan-lapangan kegiatan yang boleh menentukan kesan-kesan jangka panjang dalam pemilihan pekerjaan pada satu masa kelak.
12. Mengelolakan aktiviti-aktiviti yang bersabit dengan panduan (misalnya: Ceramah Kerjaya, melawat tempat-tempat pekerjaan, pelajaran, latihan, menyebarkan maklumat mengenai peluang-peluang latihan/pelajaran/pekerjaan, mengelola pengalaman pekerjaan, perbincangan pertunjukan filem, cara memohon kerja, kelakuan di temuduga pekerjaan dan lain-lain), bagi murid-murid sekolah amnya dan bagi murid-murid yang akan meninggalkan sekolah khasnya.
13. Mengesan sikap, bakat, kebolehan, sahsiah murid-murid melalui Ujian Khas (Standardised) bila ujian itu ada.
14. Menjalankan projek percubaan/untuk mengkaji sejauh manakah Panduan di sekolahnya berkesan.
15. Menjalankan penyelidikan/Kajian di atas tindakan yang telah dibuat misalnya kajian tindak ikut mengenai perkembangan pekerjaan murid-murid dan mengumpulkan semua aspek-aspek yang berlainan berkenaan seseorang murid dan lain-lain.
16. Mengelola dan menyelia kelab Kerjaya sekolah.
17. Mengadakan kegiatan-kegiatan tertentu, termasuk panduan kumpulan dengan kegunaan pendekatan-pendekatan positif untuk mencegah salahgunaan dadah.
18. Bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu (misalnya: PAMADAM, Ibubapa Kementerian Kebajikan Masyarakat dan lain-lain), untuk mencegah kesalahgunaan dadah di kalangan murid-murid.

19. Mengadakan program khas untuk mengesan murid yang dianggap dalam keadaan risiko menyalahgunakan dadah, dan mengambil tindakan sewajarnya.
20. Menjalankan tindakan mengesan awal untuk mencegah salahgunaan dadah di kalangan murid.
21. Menentukan saluran rujukan khas untuk menolong murid-murid yang terlibat dalam kegiatan salahgunaan dadah dan menjalankan tindakan susulan.
22. Menjalankan tugas-tugas lain yang diberi dari semasa ke semasa oleh Guru Besar sekolah di mana Guru Panduan itu ditugaskan.

LAMPB/BK 077A